

Utusan
M'sia db. 7/6/04

Kaitan menonton TV dengan keganasan

Rencana "Ganas" 7/6/04

Oleh DR. BUKHORY ISMAIL

TELEVISYEN yang digelar 'gorgasi bermata satu' ini sebenarnya membawa bermacam-macam kontroversi. Sejak tahun 1945, TV memberikan banyak perubahan kepada cara hidup masyarakat dunia. Medium yang pada mulanya direka untuk manfaat manusia, rupa-rupanya membawa masalah pula.

Pelbagai penyelidikan serius terhadap kesan TV kepada masyarakat telah dibuat. Kajian-kajian yang dibuat mendapati siri-siri ganas dalam siaran TV memang mempengaruhi masyarakat. Malangnya, para penerbit filem tetap membusu dengan alasan penonton terhibur dengan aksi-aksi keganasan yang disajikan.

Kajian juga mendapati bahawa tidak semua penonton gemar menonton siri-siri ganas. Oleh itu alasan yang mengatakan TV mesti dimuat dengan keganasan bagi menarik minat penonton adalah tidak berasas.

Tahun 1997 pihak polis di Amerika Syarikat (AS) membuat penangkapan 2.8 juta anak-anak muda di bawah umur 18 tahun. Daripada jumlah tersebut 2,500 terlibat dengan kes bunuh, 121,000 terlibat dengan keganasan lain. Dari tahun ke tahun angka ini meningkat.

Di negara kita masalah perceraian, pembunuhan, keganasan anak-anak di sekolah, dadah, pornografi dan lain-lain turut meningkat. Ini adalah satu virus jangkitan. Ini juga merupakan satu tragedi. Mungkin banyak faktor penghambat yang membina pada kejadian ini. Ini mungkin soal kelonggaran nilai yang baik, cuai mengenai nilai tersebut dan sistem yang ter-

buka pada kejahatan anak-anak muda.

Mengapa kanak-kanak melakukan keganasan? Sebuah laporan dari universiti Washington, AS yang dibuat oleh Brandon S. Centerwall mengatakan jika TV tidak dicipta maka kes pembunuhan akan berkurang, begitu juga kes keganasan lain akan turut berkurang.

Media di AS terlalu melampau dalam soal keganasan. Analisis program untuk 20 tahun (1973 hingga 1993) mendapati tahap program yang mengandungi keganasan adalah lima kali aksi keganasan dalam setiap lima minit.

Laporan dari 'Center for Media and Public Affairs, didapati dalam 18 jam sehari, tahun 1992, dengan menonton 10 saluran TV mengenai bermacam-macam program didapati 1,846 perlakuan ganas, di mana 10 adegan ganas setiap 10 minit setiap jam di semua saluran TV di AS.

Tahun 1994 penyelidikan susulan dibuat, didapati pertambahan 41 peratus keganasan yakni 2,605 adegan ganas; 15 adegan keganasan dalam setiap jam. Sama juga filem-filem yang ditayangkan di pawagam di seluruh AS adalah terlalu berunsur keganasan. Terdapat 88.7 peratus rumah di AS mempunyai lebih daripada satu set TV. Ini bererti kebanyakan kanak-kanak adalah terdedah pada acara-acara TV dan media hiburan lain seperti alat-alat *home video game* dan lain-lain.

Hitung panjang kanak-kanak berumur 10 tahun menonton program TV selama empat jam seminggu juga terlibat aktiviti 'permainan komputer' empat jam sehari. Dari program ini 50 peratus adalah berunsur keganasan. Menurut laporan Ameri-

can Psychiatric Association, sewaktu berumur 18 tahun kanak-kanak ini sudah menonton 16,000 kes pembunuhan, 200,000 aksi keganasan.

Sewaktu seorang pelajar di Liffleton, Colorado, Amerika Syarikat menembak teman-teman sekelasnya dalam tahun 1999, surat khabar *USA Today*, *CNN* mengadakan kajian dan didapati 75 peratus dari responden percaya bahawa TV dan filem yang bertanggungjawab kerana sering menyiarkan program-program berunsur keganasan. Kepada 75 peratus responden yang berumur 13 hingga 17 tahun percaya bahawa Internet bertanggungjawab.

Ganas

Kajian Dr. Leonard Eron dari Universiti Illinois mendapati kanak-kanak yang sering menonton aksi ganas di TV, di peringkat sekolah rendah selalunya menunjukkan sikap agresif dan sikap ini meningkat apabila dewasa.

Setelah mengkaji kanak-kanak ini hingga peringkat umur 30 tahun didapati mereka ini sering ditangkap kerana melakukan keganasan. Bagaimanapun pihak media dan saintis masih berdebat mengenai hubungan atau kaitan antara menonton keganasan di TV dengan perlakuan agresif.

Pihak media mengatakan tidak ada hubungan antara perlakuan agresif dengan menonton aksi ganas di media. Saintis tetap mengatakan hubungannya tetap ada.

Apa yang perlu diketahui daripada penyelidikan para saintis di Barat bahawa keganasan media melahirkan kanak-kanak yang agresif. Lebih daripada 1,000 pe-

nyelidikan menyokong perkara ini. Ketika berumur 18 tahun hitung panjang kanak-kanak di AS menonton lebih kurang 200,000 aksi keganasan di TV sahaja.

Keganasan di media selalunya mengakibatkan kanak-kanak berumur bawah darj 8 tahun kerana tidak dapat membezakan antara fantasi atau benar. Keganasan di media mempengaruhi kanak-kanak dalam hal meningkatkan aksi agresif dan antisosial, meningkatkan rasa takut menjadi mangsa, melahirkan kanak-kanak yang kurang sensitif pada keganasan dan meningkatkan selera untuk menonton hiburan-hiburan yang ganas.

Sebenarnya adalah tidak adil dengan cuma membentangkan beberapa contoh kajian tentang keganasan TV kemudian kita membuat kesimpulan bahawa TV memberi kesan keganasan kepada masyarakat. Terdapat beberapa pihak mengatakan bahawa keganasan di TV ataupun wayang gambar dijadikan kambing hitam apabila jenayah meningkat di dalam masyarakat sedangkan banyak faktor lain yang memungkinkannya terjadi.

Di bawah ini diturunkan sedikit panduan kepada ibu bapa yang merasakan mereka perlu petua membimbing anak-anak di rumah. Apa yang perlu adalah:

- Tetapkan waktu menonton TV. Mesti tegas di dalam hal ini. Tentukan anak-anak anda menonton cuma satu hingga dua jam sehari. Mereka perlu menghabiskan kerja rumah. Menolong anak-anak memilih hobi mereka atau bersukan dan acara aktiviti lain bersama keluarga.
- Menolong anak-anak memilih ranca-

ngan TV. Meletakkan nota acara TV yang baik untuk ditonton.

- Kenal pasti acara yang diminati oleh anak-anak anda. Menonton acara ini bersama mereka. Menolong mereka memahami apa yang mereka tonton. Inilah waktu menanam nilai yang baik dalam kehidupan.
 - Jangan biarkan anak-anak anda menonton TV waktu makan malam. Waktu inilah waktu keluarga berjumpa.
 - Jangan sekali-kali membiarkan TV di bilik anak-anak anda. Ini menyulitkan ibu bapa untuk mengawasi siaran-siaran yang ditonton oleh anak-anak anda. Kemungkinan anak-anak anda menonton hingga larut malam dan menyebabkan mereka kurang tidur.
 - Jika di dalam program TV terdapat aksi keganasan, tutup segera TV. Kanak-kanak akan lebih kreatif jika mereka kurang menonton TV.
 - Katakan tidak pada sesuatu program yang kurang sesuai. Nasihatkan pada anak-anak aksi dalam filem atau drama dalam TV cuma lakonan.
 - Jangan jadikan TV sebagai pengasuh pada anak-anak.
 - Rancangkan program-program yang ditonton bersifat mendidik dan menanamkan sifat penyayang, toleransi kepada anak-anak.
- Ingat, TV boleh dijadikan medium yang paling berkesan kalau kita pandai menggunakan secara teratur dan bijak.

● PROF. DR. BUKHORY ISMAIL ialah pensyarah Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam.